

# Cabaran pengantarabangsaan mahasiswa

Di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bertemakan 'Perletakan Batu Asas Melangkaui 2020', kerajaan menggariskan tujuh teras strategik yang menjadi asas kepada pembangunan pengajian tinggi negara.

Pengantarabangsaan adalah teras kelima di dalam pelan strategik berkenaan. Pengantarabangsaan dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia bermatlamat untuk mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan pengajian tinggi negara, agar setanding dengan sistem pengajian tinggi lain yang terbaik pada peringkat antarabangsa.

Dua strategi asas yang dijadikan fokus ke arah mencapai matlamat di atas ialah pengantarabangsaan pengajian tinggi di Malaysia dan juga menjadikan negara ini hab kecemerlangan pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 sudah pun menggaris-

## Komentari



**Dr Zaleha Yazid**

**Pensyarah** Kanan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

kan 10 lonjakan utama bagi mencapai kecemerlangan pendidikan tinggi negara bertaraf dunia. Salah satu daripadanya ialah lonjakan ke arah mencapai keunggulan global.

Dalam konteks pengantarabangsaan ini, salah satu elemen utama kepada tegaknya sesebuah universiti ialah mahasiswa itu sendiri. Ini bermakna, bukan hanya berpaksikan ke arah mengantarabangsakan

universiti tetapi pada masa sama, mahasiswa di universiti itu sendiri juga harus 'diantarabangsakan'.

Pengantarabangsaan mahasiswa bukanlah untuk menghakis jati diri dan semangat kebangsaan sebagai rakyat Malaysia tetapi menjurus ke arah mempersiapkan diri menghadapi cabaran pada era digital dan globalisasi atau konsep *think globally, act locally* (berfikir global, bertindak lokal).

### Minda kelas pertama

Perubahan dalam apa juga aspek yang berlaku di seluruh dunia menuntut kepada perubahan mendasar dalam landskap dan ekosistem di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam proses melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama serta kompetitif dalam menghadapi cabaran terutama pada peringkat global.

Soal pengantarabangsaan mahasiswa juga berkait rapat dengan isu kebolehpasaran graduan universiti. Pendedahan global sesung-

guhnya akan memberi dampak besar kepada peningkatan kemahiran dan keyakinan mahasiswa terutama dalam aspek komunikasi, kemahiran berfikir aras tinggi serta elemen di dalam kemahiran insaniah.

Kini, boleh dikatakan kesemua universiti awam di Malaysia sudah mewujudkan unit atau jabatan yang bertanggungjawab mengenai agenda pengantarabangsaan ini. Tetapi dari segi pelaksanaan, masih tidak ada perencanaan jelas. Sudah sampai masanya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi mengeluarkan pelan induk lengkap program pengantarabangsaan dan mobiliti mahasiswa yang boleh memandu pelaksanaan agenda serta program pengantarabangsaan yang dijalankan oleh universiti.

Pendedahan mahasiswa kepada kerangka global boleh dilakukan sama ada secara *outbound* atau *inbound* iaitu dengan menghantar mahasiswa ke negara luar (*out-*

*bound*) melalui pelbagai bentuk inisiatif seperti program mobiliti mahasiswa, meliputi program pertukaran pelajar, kursus pendek, program penempatan antarabangsa, *internship*, *summer school* dan juga misi bantuan kemanusiaan.

Pihak universiti tidak hanya boleh berharap kepada peruntukan disalurkan kerajaan tetapi juga harus kreatif dalam menjana kewangan sendiri melalui pelbagai cara seperti penubuhan dana *endowmen*, *crowdfunding* serta jaringan dengan pihak industri bagi mendapatkan dana.

Sebagaimana dihasratkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 bahawa mahasiswa yang hendak dilahirkan adalah mereka yang bakal menjadi warga sejagat dengan jati diri Malaysia yang menyerlah, bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan sejagat.